

**ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSELOR TAHUN 2021
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
KATEGORI PERKHIDMATAN PROFESIONAL**

- 1. KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL AKADEMIK**
- 2. KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BUKAN AKADEMIK**
- 3. KUMPULAN PELAKSANA**

Syarat-Syarat:

1. Permohonan adalah terbuka kepada semua kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik dan Bukan Akademik) dan Kumpulan Pelaksana yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun secara tetap atau kontrak di Universiti Putra Malaysia dan mendapat sekurang-kurangnya 80% dalam tempoh tiga (3) tahun Penilaian Prestasi.
2. Setiap Pusat Tanggungjawab perlu membentuk Jawatankuasa Khas bagi tujuan mendapatkan pencalonan yang berkaliber dari kalangan ahli PTJ.
3. Pencalonan dari Ketua-Ketua PTJ (Dekan atau Pengarah) hendaklah **melalui Pegawai Penilai Pertama** seperti ditetapkan dalam Laporan Penilaian Prestasi Tahunan.
4. Permohonan Individu hendaklah dikemukakan **melalui Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan**.
5. Anugerah Fellowship Naib Canselor Kategori Perkhidmatan Profesional hanya dianugerahkan kepada pegawai sekali dalam perkhidmatan.
6. Penilaian adalah berdasar kriteria dan pemberat yang telah ditetapkan mengikut Kumpulan Perkhidmatan mulai dari tempoh pegawai mula berkhidmat di UPM sehingga 31 Januari 2022.
7. Permohonan atau pencalonan hendaklah sampai ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar tidak lewat 31 Januari 2022 (Isnin).

Nilai Anugerah:

1. Pemenang anugerah akan menerima Geran Fellowship bernilai RM10,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu Sahaja) berserta trofi.
2. Geran Fellowship boleh digunakan untuk apa-apa perbelanjaan bagi meningkatkan peluang kepada staf UPM yang cemerlang untuk menghadiri seminar/konferensi/workshop atau mengadakan lawatan ke Universiti atau Institusi Penyelidikan yang terkemuka di dalam atau di luar negeri bagi menambahkan pengalaman dan meningkatkan keupayaan mereka.
3. Tempoh sah laku geran Fellowship adalah selama tiga (3) tahun. Penerima anugerah fellowship yang gagal menggunakan hadiah yang diperolehi dalam tempoh tiga (3) tahun, maka geran tersebut akan dianggap terbatal dengan sendirinya.
4. Geran Fellowship tidak boleh digunakan selepas pegawai bersara wajib/pilihan atau tamat tempoh perkhidmatan kontrak. Bagi pemenang yang bersara atau tamat tempoh kontrak pada tahun anugerah diterima, geran tersebut hendaklah digunakan sebelum pegawai bersara wajib/pilihan atau tamat tempoh perkhidmatan kontrak.

**KRITERIA DAN PEMBERAT BAGI PENCALONAN
ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANCELOR TAHUN 2021
KATEGORI PERKHIDMATAN PROFESIONAL**

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL AKADEMIK

Bil	Kriteria	Keterangan	Kaedah Penilaian	Pemberat (%)
a.	Khidmat Perundingan	Mengambil kira dari aspek nilai dan bilangan projek perundingan yang dijalankan (dalam dan luar negara), penilaian oleh pihak pelanggan terhadap projek yang dijalankan.	Bilangan projek perundingan	15
b.	Khidmat Nasihat dan Pengembangan	<p>i. Menyenaraikan bilangan khidmat nasihat yang diberikan dan maklumbalas daripada pelanggan, penglibatan dalam aktiviti pengembangan (Senarai agensi yang terlibat).</p> <p>ii. Penglibatan dalam khidmat pengembangan dalam agensi-agensi luar (senaraikan).</p>	<p>i. Bilangan khidmat nasihat dan agensi yang terlibat yang diberikan</p> <p>ii. Senarai pengembangan/ Projek</p>	30
c.	Pengiktirafan Kepakaran	Pengiktirafan terhadap bidang kepakaran seseorang pegawai seperti Pengadil Jurnal, Pemeriksa Luar Program IPTA lain/ tesis, Pengucap Utama, Anugerah Akademik.	Ditentukan oleh Panel Pemilih	20
d.	Penjanaan Pendapatan	Pendapatan yang dibawa masuk ke universiti selain dari projek penyelidikan.	Nilai penjanaan pendapatan	10
e.	Aktiviti Pelajar	Penglibatan dalam aktiviti pelajar seperti dalam Penasihat Akademik, felo kolej kediaman, persatuan pelajar dan lain-lain.	Bilangan aktiviti/ pertandingan pelajar	10
f.	Keanggotaan	Penglibatan dalam badan-badan profesional dan bukan profesional dan sumbangan dalam perkhidmatan kemasyarakatan.	Senarai keanggotaan (rujuk KM portal)	10
g.	Impak Perkhidmatan Profesional	Kesan perkhidmatan profesional kepada pelajar dan masyarakat.	Dinilai oleh JK Penilai Anugerah Fellowship Naib Cancellor Kategori Perkhidmatan Profesional	5
Jumlah				100

**KRITERIA DAN PEMBERAT BAGI PENCALONAN
ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSELOR TAHUN 2021
KATEGORI PERKHIDMATAN PROFESIONAL**

KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL BUKAN AKADEMIK

Bil.	Kriteria	Keterangan	Kaedah Penilaian	Pemberat (%)
a.	<i>Operational excellence</i>	Hasil kerja/ transformasi/ inovasi yang memberi impak kepada universiti sepanjang perkhidmatan (<i>significant changes, modification</i>).	Bilangan hasil kerja/ transformasi/ inovasi dan impak (Kewangan/ Kecekapan/ Kualiti) kepada universiti	30
b.	Profesionalisma/ <i>Subject Matter Expert</i>	Menonjol dalam bidang profesion. Contoh: <i>Lead Assessor</i> , juruaudit Dalam MS ISO/ISMS/EMS, Penerbitan, Pembentang kertas kerja dalam negara dan luar negara, harta intelek dan dalam bidang kerja.	Kemahiran dan pengetahuan dalam <i>Subject Matter Expert</i>	20
c.	Kepimpinan	Menunjukkan kecemerlangan dalam kepimpinan seperti memegang Jawatan Pentadbiran Universiti/ Seksyen/ Unit/ Projek.	Bilangan pernah sandang	10
d.	Khidmat Perundingan/ Penyelidikan Khidmat Nasihat/ Pengembangan	<ul style="list-style-type: none"> • Projek perundingan yang dijalankan dengan agensi awam atau luar negara. • Khidmat nasihat yang diberikan dan maklumbalas daripada pelanggan, penglibatan dalam aktiviti pengembangan (senarai agensi yang terlibat). • Penglibatan dalam aktiviti staf, pelajar, felo kolej kediaman dan persatuan-persatuan pelajar. • Khidmat komuniti. 	Bilangan projek dan nilai perundingan/ khidmat nasihat	15

Bil.	Kriteria	Keterangan	Kaedah Penilaian	Pemberat (%)
e.	Anugerah dan Lain-lain Pencapaian	Pengiktirafan terhadap perkhidmatan yang bermutu tinggi atau lain-lain pencapaian.	Bilangan Anugerah	5
f.	Bakat dan Kebolehan Lain	Sukan, Kebudayaan dan Kesenian, Pidato, Penulisan artikal media masa, Pengacara Majlis Rasmi Universiti, Sukarelawan, Moderator, Perunding Imej, Motivator dan lain-lain.	Bilangan Aktiviti	5
g.	Keanggotaan Dalam Jawatankuasa Peringkat Universiti/ Luar Contoh: Sukan, PIBG, JKKK	Penglibatan dalam jawatankuasa peringkat universiti dan kebangsaan.	Senarai keanggotaan	15
Jumlah				100

**KRITERIA DAN PEMBERAT BAGI PENCALONAN
ANUGERAH FELLOWSHIP NAIB CANSOLOR TAHUN 2021
KATEGORI PERKHIDMATAN PROFESIONAL**

KUMPULAN PELAKSANA

Keterangan:

Calon telah memberi sumbangan yang cemerlang dalam perkhidmatan sokongan di Jabatan/Fakulti/Universiti dalam bidang yang berkaitan dengan pengajaran, penyelidikan dan pengembangan/ perkhidmatan (senaraikan).

Bil.	Kriteria	Peringkat	Pemberat %
a.	Kursus Untuk Mempertingkatkan Kemahiran Diri (10%)		10
b.	Keanggotaan Dalam Jawatankuasa (25%)	PTJ	5
		Universiti	10
		Kebangsaan	10
c.	Penglibatan Peringkat Universiti Dalam Pengajaran, Penyelidikan atau Khidmat Profesional (30%)	Penyelidikan	10
		Pengajaran	10
		Khidmat Profesional	10
d.	Sumbangan Kepada Masyarakat, contoh: Sukan, PIBG, JKKK (20%)	Luar UPM	10
		Dalam UPM	10
e.	Anugerah (15%)	Universiti dan Kebangsaan	15
Jumlah			100